

**AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA**  
**MUKA SURAT : 63**  
**RUANGAN : DALAM NEGERI**

## Khatan bayi perempuan tidak sama FGM

**PUTRAJAYA 17 Nov.** - Amalan berkhatan umat Islam mem-babitkan bayi perempuan di negara ini berbeza dengan amalan pemotongan genitalia wanita (FGM) yang diamalkan dalam kalangan wanita di beberapa negara lain, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad.

Berhubung kenyataan Su-ruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) bahawa amalan khatan bayi perempuan sebagai pencabulan terhadap hak wanita, Dr. Dzulke-fly berkata sesiapa sa-haja boleh membuat dakwaan seperti itu.

"Saya nyatakan sekali lagi bahawa khatan bayi perem-puan tidak sama de-ngan FGM dan kita perlu cer-mat dalam isu ini kerana ia menyinggung banyak aspek termasuk sosial dan budaya," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis Anugerah dan Pengiktirafan Kempen Blue Ribbon 2018 di sini hari ini, beliau berkata, kerajaan akan tetap membincangkan isu yang dibangkitkan oleh Su-hakam itu secara halus me-mandangkan ia sangat sensitif.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Suhakam pada Rabu bahawa Putrajaya telah mengelirukan kajian Lapo-ran Berkala Sejahtera (UPR) mengenai hak asasi manusia

berhubung FGM apabila ia mempertahankan FGM ke atas bayi perempuan sebagai 'tang-gungjawab budaya' di Malay-sia.

Dr. Dzulkefly berkata, kera-jaan tidak akan bertindak kerana tekanan sama ada dari dalam atau luar negara, seba-liknya akan mengambil kira kepentingan semua pihak yang terlibat supaya isu itu da-pat ditangani de-ngan baik.

"Isu bantah dan sokong ini bia-sa dalam amalan demokrasi, tetapi akhirnya kerajaan akan membuat satu pendirian dengan cermat dan bukan mengi-kut emosi," ka-



**DZULKEFLY AHMAD**

tanya.

Semalam, Timbalan Per-dana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berkata, Kementerian Pem-bangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat masih dalam perbincangan dengan Keme-nterian Kesihatan berhubung isu berkhatan bayi perempuan di negara ini.

Menurut Dr. Wan Azizah, perbincangan itu termasuk melihat kepada faedah dari-pada amalan berkenaan, serta beliau menambah walaupun ia dilihat sebagai amalan budaya di Malaysia, ia tidak sama de-ngan amalan FGM yang dia-malkan dalam kalangan wani-ta di Afrika. - BERNAMA